



KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**SOP UPACARA PERKAHWINAN BUKAN ISLAM DI JABATAN PENDAFTARAN
NEGARA (JPN), RUMAH IBADAT DAN PERSATUAN AGAMA BUKAN ISLAM
SEPANJANG TEMPOH PKP, PKPB & PKPP**

PUTRAJAYA

1. Kerajaan telah bersetuju untuk membenarkan upacara perkahwinan bukan Islam di JPN, Rumah Ibadat Dan Persatuan Agama Bukan Islam dilaksanakan berkuatkuasa pada 26 Februari 2021 sepertimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal YB Menteri Kanan Pertahanan Bilangan 9 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob.
2. Keputusan ini dibuat bagi membolehkan upacara perkahwinan bukan Islam yang tertanggung sejak pelaksanaan PKP 2.0 dapat diadakan. Kebenaran ini yang melibatkan upacara perkahwinan bukan Islam di JPN, Rumah Ibadat Dan Persatuan Agama Bukan Islam boleh dilaksanakan di kawasan PKP, PKPB dan PKPP. Walau bagaimanapun upacara perkahwinan di kawasan PKPD adalah masih **TIDAK DIBENARKAN**.
3. Selaras dengan keputusan ini, JPN telah mengemaskini dan menambahbaik SOP upacara perkahwinan bukan Islam di JPN, Rumah Ibadat Dan Persatuan Agama Bukan Islam untuk panduan dan pematuhan semua pihak yang terlibat. Antara perkara yang ditambahbaik dalam SOP tersebut adalah berkaitan kapasiti kehadiran semasa upacara pendaftaran perkahwinan seperti berikut:
 - (i) **Upacara di JPN (PKP, PKPB & PKPP)** : maksimum 10 orang (termasuk pendaftar) bagi upacara pendaftaran perkahwinan sivil.

**tertakluk kepada keluasan ruang upacara perkahwinan di premis JPN*

(ii) Upacara di Rumah Ibadat & Persatuan Agama Bukan Islam oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan (PPP)

- **PKP** : Maksimum 10 orang (termasuk PPP) bagi upacara pendaftaran secara adat/agama/ kelaziman dan sivil.

**tertakluk kepada keluasan ruang upacara perkahwinan di Rumah Ibadat/Persatuan Agama Bukan Islam*

- **PKPB** : Maksimum 20 orang (termasuk PPP) bagi upacara pendaftaran secara adat/agama/ kelaziman dan sivil.

**tertakluk kepada keluasan ruang upacara perkahwinan di Rumah Ibadat/Persatuan Agama Bukan Islam*

- **PKPP** : Maksimum 30 orang (termasuk PPP) bagi upacara pendaftaran secara adat/agama/ kelaziman dan sivil.

**tertakluk kepada keluasan ruang upacara perkahwinan di Rumah Ibadat/Persatuan Agama Bukan Islam*

4. Tiada majlis sosial yang dibenarkan di JPN semasa upacara pendaftaran perkahwinan berlangsung. Manakala majlis sosial di Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam adalah tertakluk kepada arahan atau peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Pihak Berkuasa Tempatan dan Arahan Kerajaan Negeri.
5. Untuk maklumat lanjut mengenai pelaksanaan SOP membenarkan upacara perkahwinan bukan Islam di JPN, Rumah Ibadat Dan Persatuan Agama Bukan Islam sila layari pautan di laman sesawang MKN (www.mkn.gov.my) atau JPN (www.jpn.gov.my).

6. Sebarang maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat JPN ditalian 03-8880 7077 atau emel ke pro@jpn.gov.my. JPN berharap semua pihak yang terlibat dapat mematuhi SOP yang dikuatkuasakan agar penularan wabak Covid-19 dapat dibendung dan upacara-upacara perkahwinan dapat dilaksanakan dengan selamat.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

26 FEBRUARI 2021